



Kriteria Rakan Niaga

Untuk menyokong dan menegakkan kelakuan perniagaan yang bertanggungjawab sepanjang rantai nilai, dokumen ini meringkaskan keperluan etika yang perlu dipatuhi oleh semua rakan niaga kami.

**Atlas Copco
Group**

Tujuan

Sebagai sebuah syarikat industri global yang berpangkalan di Sweden, Atlas Copco Group mempunyai lebih daripada 50,000 pekerja dan pelanggan di lebih 180 buah negara. Visi Kumpulan ini adalah untuk menjadi yang pertama dalam fikiran, yang pertama dalam pilihan untuk pelanggan, pembekal dan rakan niaga lain serta pemegang kepentingan kami. Atlas Copco Group bertujuan mencapai visi ini dengan mematuhi nilai teras kami, beretika dalam amalan perniagaan kami dan bekerjasama dengan rakan niaga yang berkongsi nilai dan standard yang sama.

Dokumen Kriteria Rakan Niaga ini menyokong pelaksanaan Tatakelakuan oleh Atlas Copco Group dengan memberikan penerangan tentang jangkaan asas Kumpulan ini terhadap rakan niaga kami. Rakan niaga yang penting harus komited terhadap Tatakelakuan Atlas Copco Group dengan menandatangani dokumen ini atau dengan menunjukkan bahawa mereka mempunyai Tatakelakuan yang setanding.

Tatakelakuan Atlas Copco Group menetapkan:

- Di Atlas Copco Group, kami komited untuk menegakkan standard etika yang tinggi dalam semua interaksi perniagaan kami, yang bermakna bahawa kami memerlukan yang sama daripada rakan niaga kami.
- Semua rakan niaga disarankan untuk mematuhi Tatakelakuan kami. Kami menyarung dan mengaudit rakan niaga kami bagi memastikan bahawa mereka berkongsi standard kualiti kami dalam, etika perniagaan, hak asasi manusia, persekitaran dan kecekapan sumber. Rakan niaga mesti bekerjasama dalam mana-mana audit yang dijalankan oleh Atlas Copco Group apabila diminta secara bertulis dengan lebih awal.
- Kami menyarankan agar rakan niaga kami untuk melaporkan sebarang pelanggaran yang disyaki terhadap Tatakelakuan kami.

Kriteria Rakan Niaga adalah berdasarkan Tatakelakuan kami, yang berdasarkan pada rangka kerja etika antarabangsa utama berikut yang disokong oleh Atlas Copco Group:



Tatakelakuan Atlas Copco Group dan dokumen lain yang dirujuk dalam Kriteria Rakan Niaga serta sistem pelaporan salah laku kami, iaitu SpeakUp boleh ditemui di laman web luaran kami: www.atlascopcogroup.com

Keperluan rakan niaga

Rakan niaga seperti pembekal, subkontraktor, rakan usaha sama, ejen, penjual semula atau pengedar mesti bersetuju untuk menegakkan komitmen dan jangkaan Kumpulan ini mengikut Tatakelakuan kami. Jika rakan niaga menggunakan subkontraktor untuk pengeluaran produk atau perkhidmatan Atlas Copco Group, menjadi tanggungjawab rakan niaga itu untuk menggunakan prinsip yang sama bagi menilai dan memilih subkontraktor mereka. Jika diminta, rakan niaga mesti memaklumkan Atlas Copco Group tentang subkontraktor yang digunakan oleh mereka.

Rakan niaga harus, dalam semua aktiviti mereka, mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan operasi dan pekerjaan mereka di negara mereka beroperasi. Keperluan Atlas Copco Group mungkin melangkaui keperluan yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, yang mesti dipatuhi oleh rakan niaga berserta keperluan tambahan Atlas Copco Group. Sekiranya terdapat percanggahan antara keperluan Atlas Copco Group dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, rakan niaga itu mesti memaklumkan Atlas Copco Group tentang percanggahan tersebut sebelum menandatangani dokumen ini.

Atlas Copco Group mengharapkan rakan niaga untuk melaporkan apa-apa pelanggaran yang disyaki terhadap Tatakelakuan kami. Kami mempunyai sistem pelaporan luaran, iaitu SpeakUp, yang tersedia kepada semua pemegang kepentingan dan menawarkan kerahsiaan sepenuhnya. Laporan boleh dibuat hampir dalam apa jua bahasa. Ketahui lebih lanjut tentang SpeakUp di laman web kami.

1. Mengambil tanggungjawab terhadap alam sekitar dan tindakan iklim



Rakan niaga mesti mempunyai Sistem Pengurusan Alam Sekitar yang diluluskan atau jika tidak, menunjukkan komitmen terhadap penambahbaikan berterusan prestasi mereka terhadap alam sekitar dan kesan terhadap alam sekitar. Ini termasuk berusaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar daripada cth. pengeluaran, pendigitalan, penggunaan produk, pengangkutan atau pelupusan sisa. Semua rakan niaga harus menunjukkan hasrat dan tindakan untuk mengatasi perubahan cuaca dan mesti komited untuk menyokong pembangunan dan penggalakan teknologi yang membolehkan transisi kepada masyarakat rendah karbon.

2. Mematuhi senarai Atlas Copco Group bagi bahan larangan dan yang perlu diisyiharkan



Rakan niaga mesti mematuhi senarai Atlas Copco Group bagi bahan larangan dan yang perlu diisyiharkan¹, mengikuti kemas kini senarai tersebut dan memaklumkan Atlas Copco Group jika mana-mana bahan yang disertakan mendatangkan masalah pematuhan.

Senarai Atlas Copco Group bagi bahan larangan mengenal pasti bahan yang tidak harus digunakan dalam mana-mana artikel yang dihantar kepada Atlas Copco Group atau dalam mana-mana proses pengeluaran.

Senarai Atlas Copco Group bagi bahan yang perlu diisyiharkan memberikan maklumat tentang bahan yang harus digunakan secara terhad. Rakan niaga mesti mengisyiharkan apa-apa penggunaan bahan yang disenaraikan itu pada item yang dihantar kepada Atlas Copco Group. Senarai bahan yang perlu diisyiharkan termasuk mineral konflik². Jika diminta oleh Atlas Copco Group, rakan niaga yang menyediakan bahagian, produk atau bahan mentah yang mengandungi satu atau lebih mineral konflik, yang diperoleh daripada negara yang terjejas oleh konflik dan berisiko tinggi³, mesti sanggup bekerjasama dengan mana-mana permintaan untuk menjalankan usaha wajar yang mengikuti Panduan Usaha Wajar OECD⁴.

¹ Senarai bahan larangan dan perlu diisyiharkan diterbitkan di laman web kami: www.atascopcogroup.com

² Columbite-tantalite (koltan), cassiterite, emas, wolframite atau derivatif bahan tersebut seperti tin, tungsten dan tantalum, kedua-dua sebagai mineral dan logam atau apa-apa mineral lain yang dikelaskan sebagai mineral konflik oleh Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

³ Kawasan yang terjejas oleh konflik dan berisiko tinggi bermakna kawasan yang sedang menghadapi konflik bersenjata atau pasca konflik yang rapuh serta kawasan yang menyaksikan tadbir urus dan keselamatan yang lemah atau tidak wujud, seperti negara yang gagal dan pelanggaran undang-undang antarabangsa yang meluas dan sistematik, termasuk pencabulan hak asasi manusia.

⁴ [Panduan Usaha Wajar OECD untuk Bekalan Rantaian Mineral yang Bertanggungjawab dari Kawasan yang Terjejas oleh Konflik dan Berisiko Tinggi](http://www.oecd-ilibrary.org/industry/guidelines-for-responsible-mineral-sourcing-from-conflict-affected-and-high-risk-areas_41353330/)



3. Menyokong dan menghormati hak asasi manusia

Rakan niaga mesti menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia. Mereka mesti mengesahkan bahawa mereka tidak bersubahat dengan pencabulan hak asasi manusia dan mematuhi rangka kerja etika antarabangsa utama yang disokong oleh Atlas Copco Group.



4. Tiada perhambaan moden atau buruh paksa

Semua bentuk perhambaan moden, termasuk buruh paksa dan bukan secara sukarela tidak diterima oleh Atlas Copco Group. Ini termasuk sebagai contoh, memerlukan seseorang untuk bekerja di bawah ancaman denda kerana ber hutang atau bentuk paksaan lain. Atlas Copco Group juga melarang rakan niaga daripada memerlukan pekerja untuk mendepositkan wang atau dokumen asal seperti pasport, sijil pendidikan dan yang sedemikian semasa pekerjaan mereka.



5. Tiada buruh kanak-kanak

Atlas Copco Group melarang penggunaan buruh kanak-kanak. Rakan niaga mesti mengambil langkah-langkah pencegahan yang diperlukan untuk memastikan bahawa mereka tidak mengupah sesiapa di bawah usia pekerjaan yang sah. Ini bermakna tiada siapa bawah usia pendidikan wajib yang perlu dilengkapkan atau bawah 15 tahun boleh diambil bekerja. Apabila undang-undang tempatan menetapkan had usia yang lebih tinggi, ia harus dipatuhi. Untuk mereka di bawah umur yang dibenarkan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menyediakan keadaan bekerja, waktu bekerja dan gaji yang sewajarnya bagi umur mereka selaras dengan keperluan undang-undang sebagai keperluan minimum. Usia minimum bagi kerja berbahaya ialah 18 tahun.



6. Menghapuskan diskriminasi

Rakan niaga mesti menyokong peluang sama rata, keadilan dan kepelbagaiannya serta memastikan semua pekerja dilayan mengikut keupayaan dan kelayakan mereka dalam mana-mana keputusan pekerjaan, tanpa mengambil kira usia, kecacatan, keetnikan, jantina, identiti jantina, kewarganegaraan, pendapat politik, agama atau orientasi seksual.



7. Memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat

Rakan niaga perlu menjadikan keselamatan pekerja sebagai keutamaan pada setiap masa. Premis kerja dan keadaan kilang mestalah sesuai untuk pekerja menjalankan fungsi mereka dalam persekitaran yang selamat dan sihat, termasuk pencegahan kebakaran. Untuk mengurangkan risiko, perlu ada dasar yang sesuai untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja, latihan dan huraian peranan yang jelas. Kemudahan untuk pekerja melindungi maruah individu dan memenuhi keperluan kebersihan peribadi. Rakan niaga mengambil tindakan yang sesuai bagi memastikan keselamatan dan mengelakkan kemalangan serta penyakit yang disebabkan oleh keadaan tempat kerja bagi pihak pekerja mereka. Ini termasuk ketersediaan pertolongan cemas dan alat perlindungan peribadi serta alat yang betul dan (jika berkenaan) diperakui.



8. Gaji yang adil dan waktu kerja yang wajar

Semua prestasi mesti diberikan ganjaran secara adil. Sebagai keperluan minimum, rakan niaga mesti mematuhi keperluan undang-undang yang berkaitan dan perjanjian tawar-menawar yang berkenaan tentang waktu bekerja, kerja lebih masa, waktu rehat, cuti, gaji dan faedah.



9. Kebebasan berpersatuan dan hak terhadap tawar-menawar kolektif

Rakan niaga mesti mengesahkan bahawa pekerja mereka bebas untuk berkomunikasi secara terbuka dengan pihak pengurusan untuk menyelesaikan masalah di tempat kerja dan pampasan. Pekerja berhak untuk memilih sama ada ingin diwakili oleh kesatuan sekerja bagi tujuan tawar menawar kolektif. Atlas Copco Group tidak bertoleransi terhadap diskriminasi kepada mana-mana pekerja yang menggunakan hak tersebut.



10. Harta intelektual

Rakan niaga memahami bahawa hak harta intelektual seperti paten, tanda dagangan, hak cipta, reka bentuk, nama domain, pengetahuan dan rahsia perdagangan merupakan aset penting perniagaan dan komited sepenuhnya untuk melindungi hak harta intelektual Atlas Copco Group dan tidak mendedahkan apa-apa maklumat tentang harta intelektual kepada pihak ketiga.



11. Tiada rasuah

Rakan niaga harus menggalakkan perniagaan yang objektif, adil dan beretika serta menentang semua bentuk amalan rasuah. Rakan niaga mesti mematuhi undang-undang tempatan dan konvensyen antirasuah antarabangsa serta tidak harus menawarkan apa-apa untuk mempengaruhi pekerja Atlas Copco Group secara tidak wajar atau mana-mana pihak ketiga seperti penjawat awam.

Rakan niaga harus mengelakkan konflik kepentingan yang berpotensi dan harus sentiasa memaklumkan Atlas Copco Group tentang potensi konflik kepentingan yang terbit dalam hubungan antara rakan niaga itu dengan Atlas Copco Group.



12. Tiada kelakuan antipersaingan

Rakan niaga mesti komited terhadap persaingan yang adil dan bersetuju untuk tidak menyertai mana-mana perbincangan, perjanjian rasmi atau tidak rasmi dengan pesaing berkenaan harga, bida, perkongsian pasaran atau mana-mana aktiviti lain yang serupa, yang bertujuan mencegah atau mengehadkan persaingan atau mengakibatkan persaingan dielakkan atau dihadkan.



13. Mematuhi kewajipan pematuhan undang-undang

Rakan niaga mesti komited untuk mematuhi treati dan perjanjian antarabangsa tentang pengawalan penyebaran senjata nuklear, teknologi misil, senjata kimia dan biologi, serta semua rejim dan peraturan perdagangan antarabangsa, kawalan eksport dan sekatan ekonomi.

Barangan dan perkhidmatan yang dieksport atau diimport mesti sentiasa dikelaskan dengan cara yang betul untuk memastikan perisyiharan kastam yang betul dan semua permit yang diperlukan, diperoleh dan cukai dibayar.



14. Perlindungan data dan privasi

Rakan niaga harus melindungi data peribadi dan menghormati hak privasi. Ini bermakna bahawa data kakitangan dan data peribadi pelanggan harus dikumpulkan, digunakan dan diproses secara bertanggungjawab dan mengikut undang-undang.

Rakan niaga harus melaksanakan langkah-langkah perlindungan yang sesuai untuk melindungi data peribadi daripada penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

Pernyataan pematuhan

Atlas Copco Group mengharapkan semua rakan niaga untuk berkongsi etika sosial dan perniagaan kami, standard alam sekitar dan komitmen yang dinyatakan dalam Tatakelakuan kami.

Kami akan menyemak hubungan perniagaan kami dari masa ke semasa dan berpotensi menamatkan hubungan dengan rakan niaga yang tidak sanggup membuat perubahan agar selari dengan standard dan kriteria kami. Atlas Copco Group mengharapkan rakan niaga kami untuk menyimpan dokumentasi yang lengkap bagi menunjukkan pematuhan mereka terhadap Kriteria Rakan Niaga atau menunjukkan hasrat dan kesanggupan untuk mematuhi kriteria tersebut, dengan mengadakan pelan tindakan bersama dengan Atlas Copco Group.

Jika berlaku pelanggaran, rakan niaga masih boleh menandatangi dokumen Kriteria Rakan Niaga ini jika mereka dalam proses memenuhi keperluan ini dan sanggup menyediakan pelan tindakan bersama dengan Atlas Copco Group.

Sebagai syarat menjalankan perniagaan dengan Atlas Copco Group, rakan niaga dan subkontraktor mereka perlu membenarkan Atlas Copco Group dan ejen yang kami lantik (termasuk pihak ketiga) untuk menjalankan audit bagi melindungi dan menyusuli pematuhan dengan Kriteria Rakan Niaga. Audit di tapak akan sentiasa diaturkan lebih awal, dengan kerjasama rakan niaga itu. Mana-mana audit di tapak terhadap subkontraktor rakan niaga akan dijalankan dengan persetujuan rakan niaga.

Saya, wakil sah rakan niaga yang menandatangan di bawah, telah membaca dan memahami dokumen Kriteria Rakan Niaga ini, yang berdasarkan Tatakelakuan Atlas Copco Group, dan dengan ini mengesahkan bahawa rakan niaga ini menerima dan berkomitmen sepenuhnya untuk mematuhi semua kriteria dan keperluan yang terkandung dalam dokumen ini.

Nama rakan niaga:

Tandatangan orang yang dibenarkan untuk menandatangani bagi pihak rakan niaga:

Tandatangan:

Nama dalam huruf besar:

Jawatan / Fungsi:

Tarikh ditandatangani:

Rujukan

Laman web korporat:

<https://www.atlascopcogroup.com/en>

Tatakelakuan Atlas Copco Group

https://training.involve.com/AtlasCopcoCodeOfConductSite/coc_site.html

Atlas Copco Group komited kepada rangka kerja etika utama antarabangsa ini:

- Perisyiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa tentang Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja [www.ilo.org]
- Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional [www.oecd.org]
- Prinsip Panduan PBB untuk Perniagaan dan Hak Asasi Manusia [www.ohchr.org]
- UN Global Compact [www.unglobalcompact.org]
- Rang Undang-undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia PBB [www.un.org]



Atlas Copco AB (publ)
SE-105 23 Stockholm, SWEDEN
Telefon: +46 8 743 80 00
No. VAT: SE556014272001
atlascopcogroup.com

Atlas Copco
Group